

UMS Tandatangani MoU Bersama RTM

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 15 September 2017 16:20 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 495

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 15 SEPTEMBER – Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dalam satu majlis di Galeri Majlis, pagi tadi.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin, dan Ketua Pengarah Penyiaran Malaysia, Dato' Abu Bakar Ab. Rahim, dengan disaksikan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Panglima Dr. Salleh Tun Said Keruak.

Melalui kerjasama itu, pelajar-pelajar UMS berpeluang untuk menjalani kursus atau latihan praktikal dalam bidang penyiaran dan kewartawanan anjuran RTM tertakluk kepada kekosongan dan keperluan sumber manusia semasa.

Selain itu, RTM juga boleh menghantar pegawai-pegawaiannya mengikuti kursus dan latihan di UMS dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan kerjaya mereka tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan masuk UMS.

Kedua-dua organisasi juga akan saling

mendapatkan khidmat dan tenaga pengajar dari RTM dan UMS untuk mengendalikan kursus-kursus dalam bidang tertentu mengikut kepakaran masing-masing, yang mencakupi bidang penyelidikan dan pembangunan, kemudahan komunikasi dan media, penerbitan dan siaran, serta bidang teknikal.

Dalam pada itu, Prof. D Kamarudin berkata, MoU yang akan berkuat kuasa selama tempoh lima tahun ini bertujuan untuk menguatkan, meningkatkan dan mengembangkan kerjasama dan usaha sama dalam bidang penyiaran, kewartawanan dan teknikal berdasarkan prinsip-prinsip, ekuiti dan manfaat bersama.

“Ini adalah selaras dengan keperluan Revolusi Perindustrian 4.0 di mana universiti perlu mengangkat kaedah pembelajaran fleksibel sebagai inisiatif ke arah mereka bentuk semula pendidikan tinggi,” ujar beliau.